

BUNGA 2026 Kian Mekar di Resorts World Awana dengan Pameran Orkid Terunggul Asia

Genting Highlands, 3 Jun 2026 – Resorts World Awana hari ini secara rasmi melancarkan BUNGA 2026, pameran bunga tertinggi di Malaysia dan festival orkid serta florikultur antarabangsa yang julung kali dianjurkan, sekali gus menandakan bermulanya festival selama lima hari yang mengetengahkan keindahan orkid, seni botani dan pengalaman berinspirasi alam semula jadi.

Berlangsung dari 3 hingga 7 Jun 2026 di Awana Village, Dewan Pameran T2, BUNGA 2026 menghimpunkan persatuan orkid, pengusaha nurseri, penghibrid dan pengumpul terkemuka dari seluruh Asia dalam satu pameran bertaraf antarabangsa yang berlangsung dalam suasana nyaman tanah tinggi Resorts World Awana. Para tetamu yang menghadiri majlis pelancaran berpeluang menjadi antara yang pertama meneroka pelbagai tarikan festival, termasuk pameran florikultur bertaraf antarabangsa, pasar botani serta pengalaman interaktif bertemakan orkid yang disediakan di seluruh kawasan acara.

Dalam ucapan alu-aluannya, Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran dan Perhubungan Awam Resorts World Genting, berkata bahawa BUNGA 2026 merupakan satu pencapaian penting dalam usaha memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi penghargaan orkid, pelancongan botani dan pertukaran hortikultur di peringkat serantau.

“BUNGA 2026 bukan sekadar sebuah pameran bunga, malah merupakan platform yang meraikan kreativiti, budaya, usaha pemuliharaan serta minat terhadap orkid yang menyatukan komuniti dari seluruh Asia,” katanya. “Penganjuran festival ini mencerminkan komitmen berterusan Resorts World Genting dalam membangunkan pengalaman berteraskan alam semula jadi yang melangkaui aspek hiburan, di samping menyokong pembangunan pelancongan yang lebih lestari dan bermakna.”

Beliau turut berkata bahawa Resorts World Genting terus memperluaskan penawaran ekopelancongan menerusi inisiatif seperti Euforia Gardens & Sculpture Park serta Genting Nature Adventures, yang menggalakkan pengunjung untuk lebih mendekati aspek biodiversiti, pemuliharaan dan alam sekitar secara lebih bermakna.

Sebagai langkah permulaan kepada perkembangan festival bunga yang lebih besar menjelang Asia Pacific Orchid Conference (APOC) 2028, BUNGA 2026 turut memperkukuhkan kedudukan Malaysia dalam komuniti orkid antarabangsa. Persidangan berprestij APOC yang dijadualkan berlangsung di Resorts World Genting dari 17 hingga 26 Mac 2028 juga bakal mencatat sejarah sebagai edisi pertama yang dianjurkan oleh sebuah syarikat swasta.

Keunggulan Orkid Asia Dipamerkan

Antara tarikan utama festival ini ialah Pameran dan Pertandingan Orkid Antarabangsa yang menampilkan peserta pameran dari Malaysia, Singapura, Thailand, Vietnam, Taiwan, Indonesia dan Brunei. Pengunjung berpeluang meneroka landskap florikultur yang imersif, koleksi hibrid eksklusif serta pameran botani berkonsep seni yang dikurasi oleh persatuan dan pengusaha orkid terkemuka di Asia.

Antara peserta yang mengambil bahagian termasuk Taipei Orchid Society, Damrong Star Orchid Society dari Thailand serta penghibrid orkid pemenang pelbagai anugerah, Chulee Orchid, di samping pengumpul dari Vietnam, Nguyen Anh Tuan, Indonesia Orchid Community, serta wakil Malaysia iaitu Orchid Society of Selangor & Federal Territory dan Federation of Malaya Orchid Society. Turut serta ialah The Orchid Society of South East Asia (OSSEA) dari Singapura dan Jasmina Florist & Landscaping Co. dari Brunei.

BUNGA 2026 turut menampilkan kehadiran Mr Home dari Thailand, seorang tokoh hortikultur yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dengan kepakaran dalam tanaman eksotik serta perdagangan global.

Pemenang Pertandingan Orkid Antarabangsa

Majlis pelancaran rasmi turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Orkid Antarabangsa yang mengiktiraf kecemerlangan dalam penanaman, persembahan serta reka bentuk landskap orkid.

Pertandingan Landskap Orkid menyaksikan para peserta mengubah ruang pameran menjadi persekitaran orkid yang imersif berinspirasi alam semula jadi serta penceritaan botani. Sementara itu, Pertandingan Individu Orkid menampilkan penyertaan yang dinilai mengikut pelbagai seksyen dan kategori berdasarkan spesies, hibrid, saiz dan bentuk.

Selain orkid, festival ini turut mengetengahkan minat yang semakin meningkat terhadap tumbuhan tropika menerusi Pertandingan Tumbuhan Eksotik, yang merangkumi kategori seperti monstera, philodendron, anthurium dan platycerium.

Lebih Daripada Sekadar Pameran

Selain pameran utama, pengunjung juga boleh menerokai ruang niaga botani yang menampilkan pengusaha orkid, artisan florikultur, barangan botani khusus serta pelbagai produk gaya hidup berasaskan tumbuhan. Suasana ruang niaga yang meriah ini menawarkan peluang untuk mendapatkan orkid yang jarang ditemui, dekorasi botani, inspirasi berkebun serta pelbagai hasil kreatif berinspirasi bunga.

Pengunjung turut boleh menikmati pelbagai pengalaman botani dan gaya hidup yang direka khas untuk memperkukuhkan penghargaan terhadap orkid dan alam semula jadi. Antaranya ialah Bloom Beyond BUNGA, sebuah pengalaman penceritaan orkid yang imersif di dalam rumah kaca bunga terbesar di Malaysia, Euforia Gardens & Sculpture Park. Turut ditawarkan ialah Forest for the Future: Orchid Stories oleh Genting Nature Adventures (GNA) yang menampilkan stesen interpretasi pendidikan berkaitan pemuliharaan orkid, adaptasi tumbuhan serta kesedaran biodiversiti.

Peminat alam semula jadi juga boleh menyertai Wild Orchid Explorer, iaitu pengalaman penerokaan hutan hujan berpandu oleh GNA yang membawa peserta menelusuri laluan hutan tanah tinggi yang terpelihara untuk melihat orkid liar dalam habitat semula jadinya.

Selain itu, Orchadia memperkenalkan pengalaman gaya hidup botani premium yang menggabungkan hospitaliti berinspirasi tumbuhan, pengalaman gastronomi bertemakan orkid, bengkel eksklusif serta pengalaman florikultur bertaraf tinggi dalam suasana rumah kaca mewah. Sepanjang festival berlangsung, Orchadia akan menganjurkan pelbagai program khas termasuk kelas induk orkid, pengalaman hi-tea botani, sesi apresiasi kopi dan teh, perbincangan berkonsepkan ladang ke meja bersama chef serta jualan eksklusif orkid yang jarang ditemui.

Tiket dan Pakej Staycation

Tiket masuk ke festival bunga ini ditawarkan pada harga RM30, manakala tiket kombo ke BUNGA 2026 dan Euforia boleh didapati pada harga RM60. Warga emas pula menikmati kadar khas walk-in pada harga RM20. Setiap tiket kemasukan turut disertakan dengan kredit makanan bernilai RM10 yang boleh ditebus sepanjang tempoh pameran.

Bagi pengunjung yang ingin melanjutkan pengalaman percutian berinspirasi bunga, pakej Bunga Bloomscape Staycation yang direka khas turut ditawarkan di hotel-hotel terpilih di resort ini. Sah bagi penginapan dari 3 hingga 6 Jun 2026, pakej ini menggabungkan penginapan, akses festival dan pengalaman rekreasi tanah tinggi bagi membolehkan para tetamu menikmati sepenuhnya pameran bunga tertinggi di Malaysia ini.

Hotel yang mengambil bahagian termasuk Resorts World Awana, First World Hotel, Genting SkyWorlds Hotel dan Highlands Hotel (dahulunya dikenali sebagai Resort Hotel), dengan harga penginapan bermula serendah RM81 semalam.

Setiap pakej turut merangkumi dua tiket kemasukan ke BUNGA 2026 di Awana Village, Resorts World Awana. Tetamu yang menginap di Resorts World Awana juga akan menikmati keistimewaan tambahan termasuk manfaat makanan dan minuman terpilih bagi tempahan bilik Superior Deluxe dan Superior Deluxe Sixer.

Sertailah BUNGA 2026 dan nikmati perayaan antarabangsa yang meraikan keindahan orkid serta budaya florikultur di pameran bunga tertinggi di Malaysia, hanya di Resorts World Awana.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web rasmi Resorts World Genting atau ikuti platform media rasmi kami.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di

United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.